

Selain memberikan bantuan kepada masyarakat bukan Islam, New Hope Community Services (NHCS) juga menawarkan bantuan, termasuk tempat berteduh, kepada keluarga Melayu yang susah. Berikut adalah wawancara **MOHD NOOR A. RAHMAN**, noorar@sph.com.sg, dengan pengasas dan pengarah eksekutifnya, Pastor Andrew Khoo.

Bantuan diberi tanpa mengira bangsa dan agama

New Hope turut bekerjasama dengan masjid untuk penuhi keperluan rohani penerima bantuan beragama Islam

SOALAN (S): Boleh anda beritahu kami serba sedikit tentang New Hope Community Services (NHCS)?

JAWAPAN (J): NHCS adalah sebuah badan kebajikan yang menyediakan pelbagai khidmat kepada masyarakat yang memerlukan dengan, antara lain, memberi tempat berteduh sementara bagi keluarga yang mempunyai masalah perumahan dan membuat rujukan untuk golongan ini mendapatkan bantuan lanjut.

S: Apa yang membuatkan anda memulakan program 'Perlindungan bagi Keluarga Tanpa Rumah' ini?

J: Sebelum ini saya memberi penjagaan pastoral kepada pesakit angin ahmar dan selama tujuh tahun itu, saya dapati saya amat berminat melakukan kerja-kerja kemasyarakatan.

Impian saya adalah menubuhkan sebuah badan kebajikan sukarela (VVO) yang menawarkan khidmat masyarakat dan memberikan perteduhan sementara, pada mulanya kepada golongan lelaki yang mempunyai masalah perumahan, dengan kebanyakan mereka bekas pesalah.

Program ini kemudian kami luaskan kepada keluarga yang bermasalah yang tiada tempat berteduh.

S: Apabila anda memulakan program tersebut pada 2007, hanya sembilan keluarga Melayu yang terbabit. Tahun ini, angkanya meningkat kepada 30 keluarga. Apakah sebab utama?

J: Kelembapan ekonomi sepanjang setahun lalu merupakan antara faktor utama menyebabkan peningkatan ini. Kedua, lebih ramai orang kian sedar akan program yang kami sediakan.

Memandangkan persatuan kami merupakan satu-satunya badan yang menyediakan khidmat ini dan mendapat publisiti di media, terdapat keluarga yang memerlukan tempat berteduh yang mendapat tahu akan program kami dan telah memohon mendapatkan bantuan.

S: Apakah anda bimbang tentang peningkatan trend ini?

J: Pada pendapat saya, masalah tiada rumah bukanlah satu masalah yang berkekalan. Maksud saya, selalunya ia merupakan masalah sementara. Dan sementara mereka berusaha atau memohon mendapatkan flat, terdapat tempoh di mana mereka tiada tempat berteduh.

Jadi kami memenuhi keperluan itu dengan membantu mereka untuk terus kekal bersama sebagai satu keluarga. Tanpa khidmat ini, ada sebilangan keluarga yang terpaksa berpecah sementara menunggu masa untuk mendapatkan rumah tetap.

Oleh itu NHCS gembira dapat memainkan peranan dalam membantu keluarga yang bermasalah itu.

S: Terdapat sebilangan anggota masyarakat Melayu/Islam yang agak prihatin dan khuatir bahawa keluarga Melayu/Islam di bawah program ini mungkin akan diterapkan nilai-nilai agama lain. Apa pandangan anda tentang perkara ini?

J: Memang lumrah bagi sebilangan mere-



RAKAN-RAKAN MELAYU PASTOR ANDREW KHOO: Pastor Andrew (memegang sebuah majalah) gembira mengenali beberapa individu Melayu yang menolong beliau membantu keluarga-keluarga Melayu yang mempunyai masalah tempat tinggal. Beliau turut menghargai apa yang telah mereka lakukan. — Foto M. O. SALLEH

Secara peribadi, saya amat bangga dengan masyarakat Melayu setempat yang sejak beberapa tahun lalu telah banyak membantu. Saya amat menghormati mereka dan menghargai hubungan istimewa ini...

Kami anggap rakan-rakan Melayu sebagai pembantu kami yang penting dan saya sangat gembira mengenali mereka dan menghargai apa yang mereka lakukan. Ini pengalaman amat indah sekali. Malah, bagi saya, tidak pernah saya mempunyai kenalan Melayu seramai ini. Inilah pengalaman keharmonian kaum dan agama yang benar-benar dapat dirasakan.

— Pastor Andrew Khoo.

ka berprasangka sedemikian dan mungkin ada juga yang merakamkan motif kami tentang apa yang kami lakukan. Tetapi ini bukan satu yang benar di NHCS walaupun saya seorang pastor.

Ini kerana dari mula lagi saya bertekad membantu mereka yang memerlukan bantuan tanpa mengira bangsa dan agama dan sejauh ini kami membantu kira-kira 137 keluarga daripada pelbagai latar belakang.

Dan sejauh ini tiada penerima bantuan yang mengadu bahawa mereka perlu memenuhi kriteria agama. Hasrat kami hanya mahu membantu sedang mereka dalam keadaan memerlukan dan berharap mereka dapat keluar daripada masalah (perumahan) mereka.

S: Apakah anda bekerjasama dengan badan-badan lain? Contohnya bagi keluarga Melayu, apakah anda bekerjasama dengan badan Melayu lain?

J: Sejak memulakan khidmat kepada keluarga tanpa rumah ini, kami telah bertemu dengan pemimpin Mendaki dan Muis (Majlis Ugama Islam Singapura) serta masjid untuk meneroka kerjasama bagi memberi khidmat kepada keluarga ini.

Ini kerana kami sedar bahawa kami tidak dapat melakukan kerja ini secara sendirian selain akur bahawa kerjasama ini akan meraih lebih banyak manfaat.

Kini, contohnya, Pengerusi Masjid An-

Nur, Haji Abdul Rahim Mawasi, menjadi rakan baik kami yang selalu sedia membantu. Beliau telah membantu dalam mencari dana selain membantu dalam aspek keperluan kerohanian para penerima bantuan kami.

Malah, masjid itu juga pernah menjadi hos bagi satu acara kami pada hari kedua Ramadan.

Hakikatnya, banyak acara utama kami akan sukar dijayakan tanpa bantuan rakan-rakan Melayu kami, yang berusaha gigih bagi setiap acara.

Perkamis (Persatuan Karyawan Muzik Melayu Singapura) ialah satu lagi pertubuhan yang bekerja rapat dengan kami dalam acara kami.

Presidennya, Encik Yusnor Ef, dan naibnya, Encik Moliano Rasmidi, ialah rakan baik saya dan mereka juga berjaya mendapatkan orang Melayu lain agar membantu kami.

Secara peribadi, saya amat bangga dengan masyarakat Melayu setempat yang sejak beberapa tahun lalu telah banyak membantu. Saya amat menghormati mereka dan menghargai hubungan istimewa ini.

S: Apakah keluarga yang menerima bantuan ini dikenakan syarat seperti latihan atau program pemadaman pekerjaan?

J: Tidak, kami tidak menetapkan syarat itu untuk membantu mereka. Ini meman-

angkan mereka menyertai program ini bagi tempoh jangka pendek dan mereka juga dirujuk kepada kami oleh FSC (pusat khidmat keluarga) atau MCYS (Kementerian Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan).

Kami membantu mereka kerana mereka tiada rumah sebagai tempat perlindungan. Kami bantu mereka dahulu dan tidak mengenaikan apa-apa syarat. Cuma, apabila mereka sertai program ini, pekerja sosial kami akan menemu ramah mereka dan membantu mereka memenuhi keperluan masing-masing.

S: Berapa lama mereka boleh menerima bantuan perumahan sementara itu?

J: Umumnya tiga bulan dan tempoh ini adalah baik dan memadai. Ini kerana jika ia terlalu lama kami mungkin menghadapi masalah memenuhinya. Hanya jika terdapat keperluan mendesak untuk melanjutkan bantuan ini, maka pekerja sosial kami akan menelitinya dan melanjutkan khidmat itu dari sebulan ke sebulan.

Secara purata, sebuah keluarga akan berpindah ke rumah tetap mereka pada bulan kelima.

S: Apa selalunya berlaku selepas itu?

J: Selalunya mereka berpindah ke tempat tinggal yang berbeza-beza, mengikut keinginan dan keperluan masing-masing. Satu kes NHCS yang berjaya tidak bermak-

na mereka dapat memiliki flat tiga atau empat bilik sendiri, atau dapat berpindah ke flat sewa HDB.

Satu kes itu dianggap berjaya jika mereka dapat berpindah ke tempat tinggal yang lebih tetap dan tidak lagi perlu 'tinggal' di kolong blok atau kawasan pantai.

Akan sentiasa ada golongan yang bermasalah dalam isu perumahan tetapi yang penting adalah ada pihak yang akan bersama dan membantu mereka.

Umumnya, mereka yang datang mendapatkan bantuan kami adalah mereka yang tiada pilihan atau telah menggunakan semua pilihan untuk mendapatkan rumah, dan dalam keadaan darurat mereka datang ke NHCS, dan kami bekerjasama dengan mereka dalam mencari pilihan sesuai buat mereka.

S: Ada yang menyatakan sebilangan golongan ini menghadapi masalah kerana 'mereka sendiri mencari masalah'. Jadi kenapa NHCS sudi membantu golongan ini?

J: Ketika saya memulakan usaha ini, memang ramai yang lebih bersimpati terhadap golongan miskin, kurang upaya, kanak-kanak dan warga tua, tetapi tidak kepada golongan ini (keluarga tanpa rumah).

Memang kami memproses setiap permohonan, namun umumnya kami membantu bukan kerana mereka memerlukan bantuan, tetapi kerana mereka benar-benar terdesak memerlukan pertolongan dan ada pihak yang perlu membantu mereka kerana jika tidak, kita akan menghadapi lebih banyak masalah sosial.

Saya rasa inilah motivasi besar untuk kami membantu mereka kerana mereka perlu dibantu, tanpa terlalu mengira latar belakang dan sejarah mereka.

S: Anda selalu berinteraksi dengan penerima bantuan program ini. Apa maklum balas mereka berkaitan bantuan anda dalam mendapatkan tempat berteduh walaupun buat sementara waktu?

J: Apa yang saya ketahui, mempunyai tempat berteduh itu amat bermakna bagi mereka. Saya pernah didatangi beberapa penerima bantuan yang mengucapkan banyak-banyak terima kasih.

Saya sendiri berasa terharu akan penghargaan mereka itu dan inilah pendorong besar kepada saya untuk terus membantu golongan memerlukan itu.

S: Ada komen lain?

J: Kami ingin berterima kasih kepada Majlis Perkhidmatan Masyarakat Kebangsaan (NCSS) kerana dari mula lagi kami mendapat bantuan dana daripada mereka untuk menjalankan program kami.

Kami juga menghargai tenaga sukarelawan kami kerana kami akur bahawa kami tidak dapat melakukan semua ini secara sendiri. Bagi semua acara kami yang lepas, tanpa bantuan rakan-rakan Melayu kami, kami tidak akan dapat menjayakannya.

Mereka memainkan peranan besar dalam membantu New Hope untuk membantu keluarga memerlukan ini.

Kami anggap rakan-rakan Melayu sebagai pembantu kami yang penting dan saya sangat gembira mengenali mereka dan menghargai apa yang mereka lakukan. Ini pengalaman amat indah sekali.

Malah, bagi saya, tidak pernah saya mempunyai kenalan Melayu seramai ini. Inilah pengalaman keharmonian kaum dan agama yang benar-benar dapat dirasakan.

NOTA: Esok Berita Minggu akan menyiarkan laporan eksklusif New Hope Community Services dan kerjasamanya dengan sebuah masjid setempat dan sekumpulan relawan Melayu/Islam.



INSTITUSI IBNU SINA
Blok 166 #01-531
Woodlands St 13 (S730166)
Tel: 6363 2973 / 6386 2348
Email: admin@ibnusina-inst.com
Tempat Kursus Woodlands & Toa Payoh

KURSUS MENGHALUSI SOLAT
Bimbingan: Ustaz Ghazali
(Iulusan Sarjana Sosial Dakwah & Alumni Pasentran Pondok)
Tiap hari Rabu jam 8 mlm-9.30 mlm
Kelas bermula pada 4 Nov 09 (Modul-3 bulan)
Bayaran bulanan : \$40.00

PROGRAM PENGAJIAN DEWASA ASAS
Merupakan program menyeruloh secara sistematik mengenai Fiqh Islam, Hadith, Akhlaq, Aqidah dan Sirah Nabi-Nabi dalam Al-Quran. Para peserta yang berminat berpeluang untuk melanjutkan ke peringkat pra-Diploma & Diploma.

KURSUS KILAT TEKNIK MENGAJAR MENGAJI SISTEM QIRAATI UNTUK DEWASA/KANAK-KANAK
Bimbingan: Drs. Ustazah Nek Mah Batri
(Iulusan Sarjana Sosial Dakwah & Diploma in Teaching, Executive Diploma in Kounseling & Diploma Dakwah serta Guru bertauliah untuk sistem Qiraati)
Kelas akan di adakan selama 2 hari: Sabtu, 14 Nov & Ahad, 15 Nov 09 dari jam 9.00 pg - 2.00 ptg. Bayaran \$120.00 termasuk sarapan pagi. Sijil akan diberikan di akhir kursus dan akan diberikan praktikum dan peluang mengajar di tempat kami setelah lulus diuji oleh Pengasas Qiraati dari Kajang Selangor: Ustaz Mohd Masruh Ahmad

IBADAH KORBAN & AQIQAH
(Bersama Drs. Ustazah Nek Mah Batri & Ustaz Ghazali)
Di Jawa Timur oleh Alumni Pondok. Harga Kamling \$150.00/Lembu seekor \$1250.00
(7 orang \$180.00) Gambar & Sijil korban akan diberikan

Laris di Pasaran & Berkesan

Pati Ash-Shifaa Sauda



MADU & SAUDAH \$15 sebotol

100% ASLI \$25 sebotol

Pertama kali diedarkan dalam bentuk pes

Rumusan Shifaa Sauda telah diadun dan disiapkan mengikut resipi purba secara tepat. Selama berkurun-kurun, rumusan Ayurvedik purba ini telah digunakan di Asia Barat dan Timur Tengah untuk melawan berbagai jenis penyakit dan menggalak kesihatan, tenaga dan kesejahteraan keseluruhan. Ia menyokong sistem-sistem penghadaman, pernafasan, kardiovaskular dan imun tubuh. Shifaa Sauda adalah "Rumusan Yang Bermanfaat".

Mereka yang berminat menjadi pengedar, sila hubungi
Encik Rafik di 62430403
Laman web: shifaasauda.com


Pati Ash-Shifaa Sauda boleh dibeli di: • **TOKO WARISAN JAMU CTR**, Joo Chiat Complex #02-1013 • **TOKO KIKKAD** Blok 201 Tampines St 21 #01-96 • **TOKO WAN KHAN** Blok 374 Bukit Batok St 31 #01-220 • **WARISAN JAYA** 945 Geylang Rd Tampine Katong Complex #01-97 • **TOKO WARISAN** Blok 6A Woodlands Ctr #01-516 • **AL-BARAKAH JAMU CTR**, Joo Chiat Complex #01-1039/1041 • **MUSTAFA CENTRE** No 145 Syed Ali Road (under health supplement) • **AL-BARAKAH TAMPINES** Blok 504 Tampines Central 1 #01-325 • **AL-BARAKAH WOODLANDS** Blok 302 Woodlands St 31 #01-295 • **SOMAR ALKHAHYB** Joo Chiat Complex #02-1033 • **HASHIM ABDULLAH** Joo Chiat Complex #01-1051 • **FATMAH TRADING PTD LTD** 48/50 Joo Chiat Road S1427371 Tel: 62914247 • **SINARTHRONE INTERNATIONAL PTE LTD**, No 873 Geylang Road, Geylang Serai Midway Village S1403951 Tel: 63484741

Untuk pesanan, tel: 6243 0403. Untuk maklumat, layari: www.shifaasauda.com

LIRA HOMES
Est. 1991

Kunjungi lah Bilik Pameran kami sekarang untuk koleksi yang terbaru!

DIJAMIN 100% YANG ASLI DAN UNGGUL DARI ITALI.





845 Geylang Road #03-09/09 Tanjung Katong Complex Singapore 400845 Tel: 6744 2072 Fax: 6744 1059
Email: lirahome@pacificnet.sg Di buka setiap hari dari 12.00pm - 9.00pm

Place your AGM and EGM notices in our newspapers.
Call 1800 289 8822 or email notices@sph.com.sg.